

LAPORAN TAHUNAN



1998

ANNUAL REPORT

فریدانوں کا جھوانہ اقتصاد نگرے کلنتون

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN
Kelantan State Economic Development Corporation

KANDUNGAN

CONTENTS

Ahli Lembaga Perbadanan, 1998	2	<i>Board of Directors, 1998</i>
Pengurusan Kanan	4	<i>Management Team</i>
Perutusan Pengerusi	6	<i>Chairman's Statement</i>
Analisa Pendapatan PKINK, Perbandingan 1997-1998	15	<i>KSEDC Revenue Analysis, Comparison 1997-1998</i>
Analisa Perbelanjaan PKINK, Perbandingan 1997-1998	19	<i>KSEDC Expenditure Analysis, Comparison 1997-1998</i>
Sijil Ketua Audit Negara	23	<i>Certificate Chief Auditor (Malaysia)</i>
Pengakuan oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan PKINK	27	<i>Declaration by The Officer Primarily Responsible for The Financial Management of The KSEDC</i>
Kunci Kira-Kira Pada 31 Disember 1998	28	<i>Balance Sheet At 31 st. December 1998</i>
Penyata Untung Rugi/(Rugi) Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1998	30	<i>Profit and Loss Statement For The Year Ended 31st. December 1998</i>
Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1998	32	<i>Cash Flow Statement For The Year Ended 31st. December 1998</i>
Nota-Nota Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1998	34	<i>Notes To The Accounts For The Year Ended 31st. December 1998</i>

ILUSTRASI KULIT

Hiasan kulit luar menggambarkan secara beriringan jalinan kerjasama dan kesepakatan antara syarikat-syarikat dalam kumpulan menyokong dan menunjangi Perbadanan ke arah membina sebuah kumpulan Korporat yang berjaya dan cemerlang supaya terus berdiri teguh menyinari dan menerajui pembangunan iktisad di Negeri Kelantan.

COVER RATIONALE

The design on the cover page depicted the concerted efforts and understanding bonding all the companies in the group towards supporting and propelling KSEDC to become a successful and excellent corporate group which will stand tall and spearhead the economic development in Kelantan.



AHLI LEMBAGA
PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN 1998
Board of Directors, 1998



YAB. Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz b. Nik Mat
Menteri Besar Kelantan / *Menteri Besar of Kelantan*

YB. Tuan. Hj. Abdul Halim b. Hj. Abdul Rahman

Timbalan Menteri Besar Kelantan

Deputy Menteri Besar of Kelantan

YB. Dato' Hj. Wan Hashim b. Hj. Wan Daud

Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

State Secretary of Kelantan

YBM. Dato' Tengku Shah Buddin b. Tengku Mohd. Maasom

Pegawai Kewangan Negeri Kelantan

State Financial Officer of Kelantan

YB. Tuan Hj. Omar b. Hj. Mohamed

EXCO Kerajaan Negeri Kelantan

EXCO State of Kelantan

YBhg. Tan Sri Dato' Hj. Abdul Aziz b. Hj. Abdul Rahman

Ahli Perniagaan

Businessman

YBhg. Tuan Hj. Mohd Yusoff b. Hj. Mohd Nor

Ahli Perniagaan

Businessman

YBhg. Tuan Syed Ibrahim b. Syed Ab. Rahman

Ahli Perniagaan

Businessman

YBhg. Dr. Mohamad Hanapi b. Mohamad

Prof. Madya Universiti Utara Malaysia

Prof. Madya Universiti Utara Malaysia

YBhg. Dato' Dr. Abdullah b. Mohd Tahir

Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Usahawan

Secretary General, Ministry of Entrepreneur Development

YBhg. Dato' Zainun Aishah bt. Dato' Ahmad

Ketua Pengarah MIDA

MIDA Director - General

YBhg. Puan Hajjah Siti Maslamah bt. Osman

Timbalan Akauntan Negara (Pengurusan)

Deputy Accountant General (Administration)

PENGURUSAN KANAN

Management Team



En. Wan Zulkifle b. Wan Yusoff
Ketua Eksekutif Kumpulan
Group Chief Executive Officer

Wan Yahya b. Wan Salleh

Timbalan Ketua Eksekutif (Perancangan & Pembangunan)

Deputy Chief Executive Officer (Planning & Development)

Nik Mustapha b. Muhammad

Timbalan Ketua Eksekutif (Hal Ehwal Korporat)

Deputy Chief Executive Officer (Corporate Affairs Division)

Mohd Suhaimi b. Husin

Pengurus Perancangan Korporat

Manager, Corporate Planning Division

Wan Adnan b. Wan Abd. Kadir

Pengurus Kewangan

Manager, Finance Division

Ab. Rashid b. Ibrahim

Pengurus Galakan Industri & IKS

Manager, Industrial Promotion & SMI Division

Abas b. Salleh

Pengurus Sistem Pengurusan Maklumat (MIS)

Manager, Management Information System Division

Syed Mohd Kamaruzaman b. Syed Daud

Pengurus Perdagangan Antarabangsa

Manager, International Trading Division

Mohammad Razali b. Deraman

Pengurus Audit Dan Naziran

Manager, Audit & Inspectorate Division

Baharuddin b. Harun

Pengurus Sumber Manusia

Manager, Human Resource Division

Wan Ab. Azim b. Wan Abdullah

Pengurus Pembangunan Usahawan

Manager, Entrepreneur Development Division

Mohammad Naim b. Mamat

Pengurus Hartanah Dan Sumber Asli

Manager, Property & Natural Resource Division

Zaim b. Haji Abdullah

Pengurus Khidmat Teknikal

Manager, Technical Service Division

PERUTUSAN PENGERUSI

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi-Nya pencipta alam semesta. Selawat dan salam kepada Baginda Rasulullah S.A.W.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bagi pihak Lembaga Perbadanan, sukacita saya membentangkan Laporan Tahunan serta Penyata Kewangan PKINK bagi Tahun Kewangan 1998.

Sebagaimana kita semua sedia maklum, tahun 1998 merupakan satu tahun yang memberi kejutan kepada negara kita di mana pertumbuhan ekonomi negara telah mengalami kejatuhan yang drastik iaitu berkembangan pada kadar -4.8% berbanding 7.8% pada tahun 1997. Kadar inflasi pula telah meningkat kepada 5% dan kesemua ini merupakan kesan dari kejatuhan nilai ringgit dan kegawatan ekonomi Asia Timur yang masih berlarutan semenjak bermula pada suku ketiga tahun 1997. Di samping itu ketidakstabilan pasaran kewangan antarabangsa menjadi lebih ketara pada tahun 1998.

Negeri Kelantan juga turut merasai kesan kegawatan yang melanda ini di mana pertumbuhan KDNK negeri hanya mampu mencatat pertumbuhan 0.3% berbanding 6.9% pada tahun sebelumnya. Senario pelbagai sektor ekonomi termasuk sektor-sektor yang diceburi oleh PKINK seperti perkhidmatan, perhotelan, perladangan, perikanan, perhutanan dan pembinaan terus merosot manakala sektor hartanah, penternakan dan kuari hanya mampu bertahan dengan sedikit rangsangan berbanding tahun sebelumnya.

Memandangkan keadaan ekonomi yang tidak menentu pada tahun 1998 di samping hasrat untuk menghadapi kemelut ini, Perbadanan meneruskan langkah berhati-hati dan menggunakan pendekatan kerja yang kreatif serta proaktif. Bahagian Perancangan Korporat Perbadanan juga mengambil inisiatif menilai semula keseluruhan struktur dan aktiviti termasuk prestasi syarikat anaknya dari aspek kewangan dan kedayahidupan syarikat. Penjanaan pelbagai projek yang dirancang pelaksanaannya telahpun dikendalikan dengan cara berhemat dan lebih realistik. PKINK turut mengambil langkah berjaga-jaga di mana pelaksanaan beberapa projek mega yang tidak begitu mendesak atau tidak mampu memberi pulangan dalam tempoh terdekat telah ditangguhkan. Beberapa projek yang kurang produktif dihentikan serta merta dan penumpuan diberikan kepada sektor pertanian, agrobisnes serta berorientasikan eksport. Dasar berhemat ekonomi makro yang konsisten yang diambil oleh Perbadanan seperti di atas dijangka dapat memulihkan langkah-langkah berwawasan Perbadanan.

PRESTASI KEWANGAN

Dalam tahun 1998, dari segi operasi, Perbadanan memperoleh keuntungan sebanyak RM0.264 juta berbanding dengan tahun sebelumnya yang mengalami kerugian sebanyak RM4.619 juta.

CHAIRMAN'S MESSAGE

In The Name Of Allah, The Most Gracious, The Most Merciful. All the praise for Him, the creator of this universe. Compliments and regards to our prophet, Rasulullah SAW.

May peace fall upon you and may Allah bless you with generosity and prosperity

On behalf of The Corporation Board, I am most grateful to present the Kelantan State Economic Development Corporation (PKINK) Annual Report and Financial Statement for the year 1998.

As all of us have known, 1998 has been a horrifying year for our country whereby our economic growth has experienced a drastic drop of -4.8% from 7.8% in the previous year while inflation level has shoot up to 5%. All of these indicators are the results from the depreciation of ringgit and the South East Asia regional economic crisis which started in the third quarter of 1997 and has not shown any sign of recovery as yet. In addition to this, the volatility of the international financial market is more apparent in the year 1998 as compared to last year.

Kelantan was not excluded from the effect whereby the state GDP only grew by 0.3% as compared to 6.9% growth in 1997. The economic scenario of several sectors including those ventured by PKINK namely services, tourism and plantation showed continued decline while other sectors like property poultry and quarrying managed to sustain with little improvement from last year.

In view of the uncertainty surrounding the economy in 1998 as well as the urgent need to end the crisis, PKINK continue to take cautious steps as well as adopting creative and proactive work attitude. Its Corporate Planning Department has taken the initiative to re-evaluate the whole structure and activities including the performance of all subsidiaries in terms of profitability and viability. Project planning was conducted in realistic and reasonable manner. The implementation of mega projects which are not of pressing need or with long gestation period are still shelved for the time being. Unproductive ventures were stopped immediately with efforts being focussed on agriculture and agro-business especially export-oriented activities. All these visionary measures have helped improved PKINK's performance for the year.

FINANCIAL PERFORMANCE

For the year 1998, PKINK has achieved an operating profit of RM0.264 million as compared to an operating loss of RM4.619 million last year. However, after taking into account RM3.766 million provision for diminution in investment value and RM0.116 million provision for doubtful rental debt, the net loss generated was RM3.618 million. This figure is still an improvement since it is 22% lower than the net loss of RM4.619 suffered in 1997.

The gross earnings for PKINK in 1998 has charted

Walaupun bagaimanapun, selepas mengambilkira sejumlah RM3.766 juta bagi peruntukan rosot nilai pelaburan saham dan sejumlah RM0.116 juta peruntukan hutangragu sewaan, Perbadanan mengalami kerugian sebanyak RM3.618 juta berbanding dengan tahun sebelumnya sebanyak RM4.619 juta. Hasilnya, Perbadanan telah dapat mengurangkan kerugiannya sebanyak 22% dan ini menandakan ianya satu pencapaian yang baik.

Jumlah pendapatan kasar Perbadanan bagi tahun 1998 telah mencatatkan peningkatan sebanyak 52% daripada RM10.104 juta kepada RM15.358 juta. Jumlah aset Perbadanan telah meningkat kepada RM577.520 juta berbanding dengan RM566.767 juta pada tahun sebelumnya. Ia merupakan peningkatan sebanyak 2%. Sementara itu, jumlah liabiliti telah berkurang kepada RM347.007 juta daripada RM363.432 juta iaitu menurun sebanyak 5%.

Pada umumnya, bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 1998 ini, keuntungan terkumpul Perbadanan telah mencapai ke paras RM95.154 juta.

TINJAUAN OPERASI

Tahun 1998 merupakan tahun kedua kita dilingkari masalah kegawatan ekonomi. Oleh itu PKINK telah memberikan penumpuan terhadap pentadbiran bertujuan untuk memperbaiki pengurusan serta keseluruhan bidang operasi. Ini merupakan perantara penting dalam agenda pembangunan jangka panjang. Ianya juga berkesan dalam memperkukuhkan pertumbuhan bahkan turut memantapkan kedudukan kewangan.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN PEMBANGUNAN INSAN

Ahli-ahli ekonomi telah menjangkakan bahawa ekonomi Malaysia akan mencapai pertumbuhan sebanyak 1 - 2% pada tahun 1999 manakala Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi negeri Kelantan dijangka bertambah sebanyak 2.7%. Dalam hubungan ini, PKINK sebagai salah satu agensi pembangunan bagi kerajaan negeri telah berusaha keras untuk menguruskan sumber tenaganya dengan cekap dan berkesan demi menentukan kesinambungan serta daya saing dengan baik. Sebagai persediaan untuk mengharungi cabaran alaf baru, PKINK sentiasa prihatin dan komited untuk melatih anggota-anggotanya supaya kebolehan serta tahap produktiviti mereka akan sentiasa meningkat dan mampu memenuhi keperluan. Sememangnya kegawaan ekonomi telah mendorong PKINK untuk mengatasi masalah. Sebagai salah satu langkah penyelesaian, PKINK telah mengadakan pelbagai kursus demi mempertingkatkan kualiti anggota-anggotanya seperti kursus-kursus Self-Esteem, Motivasi, Pengurusan dan Ketrampilan, Kemahiran IT dan sebagainya. Bagitu juga dengan pembangunan insan dan pembentukan akhlak serta keluhuran budi di kalangan anggota. Mereka telah didedahkan dengan pelbagai program keagamaan dan kemasyarakatan.

a significant 52% growth from RM10.104 million to RM15.358 million. The total asset holding of PKINK has also grown 2% to RM577.520 million from RM566.767 million in the previous year. In due course, the total liabilities owed by PKINK have shrunk from RM347.007 million to RM363.432 million, a decrease of 5%.

As at 31 December 1998, the total accumulated profit for PKINK has risen to RM95.154 million.



OPERATIONAL OUTLOOK

1998 was the second consecutive year our economy was depressed by recession. Thus, along the year PKINK has been concentrating on re-engineering the whole organization, both management and operation wise. This is an important medium to ensure long-term development and as well as effective in achieving short-term goals especially sustaining growth and strengthening current financial position.

HUMAN RESOURCE MANAGEMENT & DEVELOPMENT

Economists has predicted that the economy of Malaysia will grow at 1-2% in 1999 while Kelantan's GDP will expand 2.7%. Within this context, PKINK as a state development agency has been gearing-up efforts to manage an efficient and effective workforce to ensure sustainability and competitiveness. To be well prepared for the coming millineum, PKINK is always concern and committed in training to produce capable, adaptable, and productive employees, in other words, quality employees. Among the courses held cover the areas of self-esteem, motivation, management, representation and IT skills. On top of this, religious and social programmes were also conducted to ensure spiritual and moral development.

ENTREPRENEUR DEVELOPMENT

In order to produce competitive, resourceful and dynamic entrepreneurs, PKINK has formulated various entrepreneurial programs to provide direct channel and exposures to interested entrepreneur, both new and existing ones.

In Mei 1998, an Exposition was organized for four days and with participation of 214 entrepreneurs from all over Peninsular

PEMBANGUNAN USAHAWAN

Dalam usaha untuk memperlengkapkan serta melahirkan usahawan bumiputera yang berwibawa, kental serta berdayasaing, PKINK menyusun serta mengadakan pelbagai program keusahawanan sebagai saluran dan pendedahan langsung usahawan dan bakal-bakal usahawan yang berminat.



Penganjuran Ekspo Keusahawanan Kelantan 1998 yang diadakan selama 4 hari pada bulan Mei telah disertai oleh 214 usahawan dari Kelantan, Perlis, Kedah, Selangor, Melaka, Johor dan Terengganu. Dianggarkan hampir 100,000 pengunjung telah membanjiri tapak ekspo dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 malam yang memberikan pulangan lumayan kepada para peniaga.

Kursus Lanjutan Amalan Pengilangan Baik Zon Pantai Timur pada bulan September pula dianjurkan khusus untuk para pengusaha perubatan tradisional. Kursus yang dihadiri oleh 80 orang peserta dari negeri-negeri Pantai Timur adalah merupakan satu pendekatan baru bagi menyelaraskan serta mengawal mutu produk mengikut piawai sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan. Seminar Industri Batik pada bulan Ogos 1998 telah dihadiri oleh para pengusaha terbabit pula merupakan satu usaha bagi mencari jalan keluar bagi memberi nafas baru kepada perusahan tersebut yang kian lembap bahkan berupa satu pencarian agar pemasaran dan penggunaan akan dapat menembusi pasaran global. Selain dari program-program bimbingan kepada para usahawan, PKINK yang bertindak sebagai sekretariat Program Usahawan Muda telah memberi pendedahan serta latihan kepada para pelajar di sekolah-sekolah menengah tentang aspek keusahawanan.

PENONJOLAN IMEJ DAN KEMASYARAKATAN

Sebagai agensi kerajaan negeri yang sentiasa rapat dengan orang ramai PKINK sentiasa mencari ruang dan peluang untuk menonjolkan imej yang baik. Untuk itu PKINK telah melibatkan diri secara berterusan dalam pelbagai program kemasyarakatan. PKINK telah memenangi Johan Perbarisan Hari kebangsaan untuk tiga tahun berturut-turut. Kelab Kebajikan Wanita PKINK (KEKWA) pula berjaya membina imej sendiri di kalangan masyarakat dengan melibatkan diri secara langsung dalam program-program amal dan kebajikan. KEKWA juga telah memenangi pelbagai pertandingan masakan yang mereka sertai.

Malaysia. It was estimated that more than 100,000 people visited the expo from 9.00 am to midnight, generating hefty returns to the participants.

A seminar on Batik Industry was conducted in August 1998 as an effort to find ways to revitalize the industry and to penetrate the global market.



In the following month, a course on Good Manufacturing Practice for the East Coast was held specifically for producers of traditional medicines. Attended by 80 participants from the East Coast, this course was a new approach by the Ministry of Entrepreneur Development to synchronize and monitor product quality in line with the standards set by the Health Ministry.

In addition to these programs, PKINK as the secretariat for the Young Entrepreneur Program has been given training and exposures on that matter to students in secondary schools.



IMAGE PROJECTION AND SOCIAL OBLIGATION

As an agency for the state government which liaise directly with the public, PKINK must project a respectable image to the society. Thus, PKINK always involve itself in programmes organized at the state level for the whole community. For instance, PKINK has, for three consecutive years, won the marching competition held in conjunction with the National Day celebration. The women staff has built up their own image in the recent years, under the name of KEKWA (PKINK Women's Welfare Club), by joining activities organized by other women associations. In fact, KEKWA has won several cooking competitions at the state level.

With respect to this, the state government has entrusted upon PKINK to promote The Visit Kelantan Year 1998 generally, and specifically PKINK was given the task to plan and

Memandangkan PKINK mampu menonjolkan imej yang berkesan serta menjalin hubungan baik dengan banyak pihak, kerajaan negeri telah memberi kepercayaan dan tanggungjawab kepada PKINK untuk mempromosikan Tahun Melawat Kelantan 1998 dan secara khusus PKINK telah memainkan peranan dalam merancang dan mengendalikan acara Kelantan International Adventure 1998.

Kelantan International Adventure 1998 (KIA) merupakan acara penutup tirai Kempen Tahun Melawat Kelantan 1998 telah diadakan pada 28 November - 1 Disember 1998. Acara ini yang bermula dari Kota Bharu dan berakhir di Taman Negara Kuala Koh. KIA '98 yang bercorak ekspedisi telah menggabungkan kenderaan pacuan empat roda, motosikal lasak dan basikal bukit dengan keseluruhan peserta berjumlah 180 orang. Di Majlis Penutup pada 1.12.98, YB Tuan Haji Abdullah Yaakob, Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan dan Pelancongan Kelantan telah menyampaikan sumbangan kepada masyarakat Orang Asli yang menetap di Kuala Koh.

PEMBANGUNAN HARTANAH DAN SUMBER ASLI

Kelbina Holdings Berhad salah sebuah Syarikat Induk dalam Kumpulan PKINK serta syarikat-syarikat di bawah seliaannya terus menjalankan pelbagai agenda pembangunan dengan keutamaan diberi kepada bidang pembangunan hartanah, pembinaan, perlombongan, kuari, pertoleum dan gas.

PERUMAHAN

Sepanjang tahun 1998, Binaraya PKINK Sdn. Bhd. telah membina dan menyiapkan sebanyak 95 unit Rumah Teres 1 Tingkat di Desa Darulnaim, Pasir Tumbuh dan 156 unit Rumah Klaster 1 Tingkat di Taman Kurnia Jaya.

PEMBINAAN

Kelkon Sdn. Bhd. dan Syarikat Pemborong PKINK Sdn. Bhd. sudah membina dan menyiapkan beberapa projek yang secara keseluruhannya bernilai RM10.8 juta. Projek-projek yang telah disiapkan sepanjang tahun 1998 ialah Bangunan Asrama Sekolah Menengah Dato' Ismail Gong Kedak, Pasir Puteh bernilai RM5.0 juta. Syarikat juga telah membina dan menyiapkan Bangunan Asrama 4 tingkat untuk Maahad Muhammadi Lelaki, Padang Bongor, Kota Bharu bernilai RM1.3 juta. Selain itu, syarikat-syarikat tersebut telah menjalankan kerja-kerja menaikkan taraf jalan hutan Kompleks Perakayuan Kelantan yang bernilai RM1.4 juta. Manakala projek-projek kecil lain yang dibina dan disiapkan oleh syarikat-syarikat berkenaan telah menyumbangkan pendapatan sebanyak RM3.1 juta.

SUMBER ASLI

Keloil Sdn. Bhd., sebuah syarikat induk yang telah dipertanggungjawabkan untuk meneroka dan memajukan industri prtoleum dan gas di negeri ini. Setakat ini, dua buah syarikat anak telah

organize the final event that is the Kelantan International Adventure 98 (KIA'98). This event, which was held from 28 November to 1 December 1998, was an off-road expedition involving 4-wheel drive vehicles, dirt bikes and mountain bikes. The route began in Kota Bharu and ended in Kuala Koh National Park. During the closing ceremony, YB Tuan Haji Abdullah Yaakob, the Chairman for Kelantan Culture & Tourism Committee gave away donations to the aborigines population in Kuala Koh.



PROPERTY DEVELOPMENT & NATURAL RESOURCES

Kelbina Holdings Berhad, one of the holding company in PKINK Group, and all its subsidiaries continue to venture into property development, construction, mining & quarrying, as well as gas & petrochemical.

HOUSING

Throughout 1998, Binaraya PKINK Sdn Bhd has completed 95 units of single-storey terrace houses in Desa Darulnaim Pasir Tumbuh and 156 units of single-storey cluster houses in Taman Kurnia Jaya.



beroperasi sepenuhnya dalam bidang pembuatan Kebuk dan pengedaran gas.

Keloil LPG Cylinder Sdn. Bhd. telah mengkhususkan aktiviti utamanya dalam pembuatan Kebuk LPG dengan kapasiti 12 kg, 14 kg dan 49 kg. Syarikat telah berjaya mengikat kontrak bekalan dengan Esso Malaysia berhad bagi membekalkan sebanyak 203,000 unit Kebuk yang keseluruhannya bernilai RM13.1 juta.

Keloil Bottling Sdn. Bhd. dengan aktiviti utamanya iaitu pemptolan gas. Dalam bulan Oktober 1998 syarikat telah berjaya mengikat kontrak dengan Esso Malaysia Berhad bagi pembekalan sebanyak 800 metrik tan sebulan manakala kontrak dengan Bentara Sdn. Bhd. bagi membekalkan sebanyak 500 metrik tan sebulan. Kedua-dua kontrak bekalan tersebut bernilai RM1.5 juta.

PERLOMBONGAN DAN KUARI

Negeri Kelantan sememangnya kaya dengan sumber logam dan batuan. Sehubungan dengan itu, PKINK sentiasa mencari peluang untuk memanfaatkan sumber-sumber tersebut. Dalam tahun 1998, PKINK telah memohon Sijil Melombong Emas atas tanah seluas 800 ekar di Sungai Kra dan kini telah pun menjalankan usahasama dengan Syarikat Bumiputera iaitu Fakeh Sdn. Bhd. PKINK juga telah menjalankan kerja-kerja melombong emas di Mukim Bunga Tanjung secara usahasama dengan Dasar Johan Sdn. Bhd., manakala perlombongan di Mukim Sokor pula telah dijalankan secara usahasama dengan Kelmark Mining Sdn. Bhd.




PKINK melalui Kelstone Sdn. Bhd. telah menandatangani Perjanjian Usahasama dengan Austral Mining Limited, sebuah syarikat perlombongan dari Australia. Usahasama tersebut ialah bagi kerja-kerja carigali dan perlombongan emas di Blok Pulau, Gua Musang. Dalam tahun yang sama, Kelstone telah memohon kebenaran kerajaan negeri bagi menjalankan kerja-kerja carigali emas di tiga kawasan. Kawasan-kawasan tersebut ialah Blok Pulau, Gua Musang seluas 61,200 hektar; Blok Sokor, Tanah Merah seluas 97,500 hektar dan Blok Batu Melintang, Jeli seluas 14,200 hektar.

Bagi perusahaan marmar pula, PKINK melalui Kelstone telah menjalankan kerja-kerja perusahaan marmar di empat kawasan. Kawasan-kawasan tersebut ialah Bukit Gua Ayer Selatan seluas 100 hektar yang dijalankan secara usahasama dengan Eastern Marble Sdn. Bhd., kawasan Gua Botak secara usahasama dengan SR Marble bagi kawasan seluas 7.17 hektar.

CONSTRUCTION

The total value of contracts completed by Kelkon Sdn Bhd and Sykt Pemborong PKINK Sdn Bhd in 1998 amounts to almost RM10.8 million. Among them are two hostel blocks for two different schools worth RM6.3 million and road links to KPK logging area with value almost RM1.4 million. Others are small projects which in total contribute more than RM3.1 million income to these companies.



NATURAL RESOURCES

Keloil Sdn Bhd is the holding company responsible for spearheading the development of gas and petrochemical industry in this state. To date, two subsidiaries are fully operational, namely

Keloil LPG Cylinder Sdn Bhd: manufactures LPG cylinders in three sizes - 12kg, 14kg and 49kg. This company managed to secure a contract with ESSO Malaysia to supply 203,000 units of cylinders worth RM13.1 million.

Keloil Bottling Sdn Bhd: concentrates on gas bottling. In October 1998, this company was awarded a contract by ESSO Malaysia Berhad to supply 800 metric tonnes a month while another contract secured was a supply of 500 metric tonnes to Bentara Sdn Bhd. Those two contracts worth RM1.5 million.

MINING & QUARRYING

The state of Kelantan was blessed with abundant supply of metal and dimensional stone. Hence, various efforts has been taken by PKINK to optimize those supply. In 1998, PKINK has applied for the Gold Exploration Certificate on an 800-acre land in Sungai Kra and the operation has commenced on a joint venture basis with Fakeh Sdn Bhd, a bumiputera company. Ongoing gold exploration work are carried-out in Mukim Bunga and Sungai Sokor with Dasar Johan Sdn Bhd and Kelmark Mining Sdn Bhd, respectively.

PKINK, through Kelstone Sdn Bhd, has obtained permission from the state government to explore potential gold deposits in

Usahasama dengan Tegas Bistari Sdn. Bhd. ialah bagi kawasan Gua Ayer Utara seluas 75 hektar manakalan kawasan seluas 50 hektar di Bukit Batu Bong telah dijalankan secara usahasama dengan Unique Marble & Granite Sdn. Bhd. Sebagai pelengkap kepada perusahaan tersebut PKINK bercadang untuk membina sebuah kilang marmar di atas tapak seluas 15 ekar yang terletak di kawasan Ladang Getah Sungai Terah, Gua Musang. Pembinaan kilang tersebut juga akan dijalankan secara usahasama dengan syarikat swasta yang berpengalaman dalam perusahaan terbabit.

TAMAN INDUSTRI MARIN

Sebagai usaha untuk merealisasikan rancangan pembangunan Taman Industri Marin dan Bandar Baru Perikanan, Tok Bali Development Sdn. Bhd. telah menandatangani Perjanjian Usahasama dengan Kumpulan Pinang Usahasama Sdn. Bhd. (KPU) dan Amble Impact Sdn. Bhd. (AI) dari Pulau Pinang. Usahasama ini termasuklah pembinaan pelabuhan perikanan serta pembinaan lain-lain kemudahan dan keperluan demi untuk mempertingkatkan kegiatan-kegiatan sejajar dengan hasrat untuk menjadikan Tok Bali sebagai sebuah Taman Industri marin yang bersepadu.

Walau bagaimanapun, pihak KPU dan AI tidak dapat meneruskan perjanjian usahasama ini kerana masalah kewangan. PKINK sedang berusaha dan telah mengenalpasti beberapa rakan kongsi lain yang berpotensi.

Kertas Cadangan Projek serta laporan Cadangan Pemajuan telah dihantar ke Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN) dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD).

BANDAR BARU RANTAU PANJANG

Bertujuan untuk membina bandar baru sempadan, PKINK telah menandatangani perjanjian dan menjalankan usahasama dengan Majlis Daerah Pasir Mas. Usahasama ini adalah untuk projek Bandar Baru Rantau Panjang di atas tapak seluas 10.82 ekar yang akan dibangunkan secara berperingkat. Apabila siap sepenuhnya nanti, Projek Bandar Baru Rantau Panjang akan merangkumi komponen-komponen berikut iaitu 77 unit Rumah Kedai 3 tingkat, 2 Blok Bazaar dan pejabat serta hotel bertaraf antarabangsa.

PERTANIAN DAN AGRO-BISNES

Sejajar dengan hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan Kelantan sebagai negeri Jelapang Makanan dan pembangunan Sektor Pertanian sebagai teras ekonomi negeri, Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) telah mengambil langkah-langkah perlu dan tindakan ke arah merealisasikan hasrat tersebut. Selain dari mengekalkan prestasi bagi sektor yang telah diceburi sebelum ini, KPKB sentiasa berusaha keras untuk mendapatkan sumber modal serta mencari ruang dan peluang untuk menerokai bidang baru. Bagi tujuan tersebut, KPKB telah mempergiatkan usaha Penyelidikan dan Pembangunan (R & D) terutama dalam bidang akuakultur, pemulihan tanah terbiar dan mencari tanaman alternatif tembakau.

three areas, namely; 61,200 hectare in Pulau Gua Musang, 97,500 hectare in Sokor Tanah Merah and 14,200 hectare in Batu Melintang Jeli. This company also signed a Joint Venture Agreement with Austral Mining Limited, a mining company from Australia. The venture was for gold exploration and extraction works in Pulau, Gua Musang.

To spearhead the marble industry, Kelstone are initiating efforts to extract limestone deposit in four areas on a joint-venture basis with four different companies. The four areas are, 100 hectare Bukit Gua Ayer Selatan with Eastern Marble Sdn Bhd, 7.17 hectare Gua Botak with SR Marble Sdn Bhd, 75 hectare Gua Ayer Utara with Tegas Bistari Sdn Bhd and 50 hectare Bukit Batu Bong with Unique Marble & Granite Sdn Bhd. To further compliment the industry, a marble processing plant will be built on a 15-acre land in Ladang Sg Terah Gua Musang. It will be implemented on a joint-venture basis with private companies with proven track records in this industry.



MARIN INDUSTRIAL PARK

With the vision of developing a marin industrial park and fishing township, Tok Bali Development Sdn Bhd has signed a joint-venture agreement with Kumpulan Pinang Usahasama Sdn Bhd dan Amble Impact Sdn Bhd dari Pulau Pinang to construct a marine port, complete with supporting facilities and amenities. However, the venture fails to materialise due to financial problems. Not to be put down by it, PKINK continues to seek eligible partners to carry on the projects and in the mean time, the Development Proposal has been submitted to the State Economic Planning Unit and Town Planning Department.

RANTAU PANJANG NEW TOWNSHIP

PKINK has signed an agreement with Pasir Mas Municipal Council to develop a border town on a 10.82-acre site in Rantau Panjang, phase-by-phase. Once completed, this new township will have 77 units of 3-storey shoplots, 2 bazaar, office blocks and one international-class hotel.



AGRICULTURE AND AGROBISNES

In line with the state government's

PERUSAHAAN AYAM

Negeri Kelantan memerlukan 1.3 juta ekor ayam sebulan, yang sebelum ini 100% dibawa masuk dari luar Kelantan. Murni Hatchery Sdn. Bhd., syarikat anak KPKB telah memulakan pengeluaran anak ayam (DOC) sebanyak 250,000 ekor sebulan. Mutu anak ayam yang dikeluarkan adalah baik & mendapat sambutan yang menggalakkan oleh penternak tempatan. Dengan ini, usaha KPKB bukan sahaja dapat menggalakkan perusahaan ternakan ayam oleh penduduk di negeri ini, tetapi sekali gus dapat menyumbang kepada usaha menjadikan negeri Kelantan sebagai Jelapang Makanan.



aspiration of turning Kelantan into a haven for halal food, and making agriculture as the backbone of the state economy, Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) are taking steps to materialize those wishes. Apart from maintaining the performance of existing activities, KPKB keeps gearing up efforts to raise new capital for exploring new opportunities. The Research & Development (R&D) activities ventured by KPKB covers the scope of aquaculture, land utilisation and crops as an alternative to tobacco.

POULTRY INDUSTRY

The total chicken consumption for Kelantan amounts to 1.3 million birds a month, which before this are 100% imported from other states. Murni Hatchery Sdn Bhd, a subsidiary of KPKB has started producing 250,000 day-old chicks a month. The chicks produced are of high quality and gain favourable demand from local breeders. This in turn stimulate the chicken-rearing industry in this state.



PENGELUARAN BENIH TERNAKAN LAUT

Bagi mempromosikan usaha dan penglibatan sektor swasta dalam projek akuakultur di negeri ini, KPKB melalui syarikat anaknya Persisiran Aqua Sdn. Bhd. telah memulakan pengeluaran benih ternakan laut seperti benih Ikan Siakap dan Udang Harimau. Sebelum ini penternakan tempatan menghadapi masalah bagi mendapatkan benih-benih tersebut yang keseluruhannya perlu diimport dari luar Kelantan dan negara jiran.

Usaha ini sudah tentu akan menggalakkan lebih banyak pelaburan swasta di sektor ini dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan pengeluaran makanan dalam negeri.

PENTERNAKAN LEMBU SECARA KOMERSIAL

Penternakan lembu merupakan satu pelaburan baru bagi KPKB. Pelaburan ini merupakan satu kelangsungan kerana adanya faktor-faktor sokongan seperti gunatengah, tanah yang luas serta padang ragut yang sesuai untuk penternakan secara komersial dan bersepadu. Buat permulaannya, baka lembu kacukan telah diimport untuk dibiak dan diternak di negeri ini. Ternakan secara separa-fitlot dan intergrasi di ladang sawit telah dimulakan dengan jumlah populasi semasa sekitar 400 ekor.

PERNANAMAN JAGUNG BIJIAN

Malaysia kini mengimport jagung bijian bernilai RM1.9 Billion setahun. Ianya merupakan tanaman penggantian import dan juga sebagai tanaman alternatif kepada penanaman tembakau. Pada

AQUACULTURE

In order to boost the aquaculture industry in this state, KPKB through its subsidiary Persisiran Aqua Sdn Bhd has started a hatchery centre for tiger prawns and sea-bass. Previously, the local breeders were faced with limited supply of raw materials since they can only be obtained from neighbouring countries. This centre will ensure continuous and cheap supply of raw materials and thus will help flourish the industry.

COMMERCIAL CATTLE BREEDING

Cattle breeding is a new venture by KPKB in order to utilize the available resources in terms of manpower and land area. Initially, cattles of mixed breeding was imported to reproduce. Breeding are carried-out on a semi-feedlot, semi-intergrated basis in palm oil plantations owned by the group. At the moment, there 400 cattles bred in this area.

CORN FARM

Malaysia currently imports RM1.9 billion worth of

tahun ini, kira-kira 160 ekar telah ditanam di jajahan Bachok dan Pasir Puteh. Hasilnya antara 1 - 3 metrik tan seekar setanding dengan pengeluaran di negara jiran. Jagung bijian tersebut telah digunakan sendiri oleh KPKB untuk diproses menjadi makanan ternakan (ayam) dan batangnya untuk makanan lembu. Memandangkan sambutan yang menggalakkan dari petani-petani, keluaran tanaman akan dipertingkatkan sehingga 1000 ekar pada tahun depan. Dengan ini tidak syak lagi KPKB akan menjadi antara pelopor dalam penanaman jagung bijian secara komersial di negara ini.

PENGILANGAN BAJA

Sebagai sokongan kepada pembangunan sektor pertanian di negeri Kelantan khususnya dalam pengeluaran bahan makanan, KPKB telah meneruskan usaha dengan lebih giat dalam pengilangan dan pemasaran baja pertanian. Sehingga kini pengeluaran tahunan baja tersebut telah menjangkau 3,500 metrik tan terutamanya pengeluaran baja padi untuk dibekalkan terus kepada petani-petani di negeri ini.

PERLADANGAN

Dalam senario pasaran komoditi kebelakangan ini, Syarikat Ladang Sungai Terah yang memiliki ladang getah seluas 16,000 ekar di Gua Musang telah memulakan program penanaman semula secara berperingkat dengan menggantikan tanaman getah kepada kelapa sawit. Kini seluas 3,000 ekar tanaman kelapa sawit telah disiapkan.



LST Latex Concentrate Sdn. Bhd. anak syarikat SLST telah dianugerahkan Sijil ISO 9002 dari SIRIM bagi keluarannya. Sebuah ladang sawit baru dibuka oleh KPKB di Jeli seluas 2,000 ekar secara usahasama dengan pihak swasta. KPKB memiliki 51% equiti dalam usahasama tersebut. Kini 1,500 ekar telah siap ditanam dan hasil Fasa I seluas 1,000 ekar dijangka akan diperolehi mulai bulan Mac 99.

LADANG BUAH-BUAHAN

Darulnaim Agro Management Ind. Sdn. Bhd. (DAMAI) pula mempelopori dalam pembangunan ladang buah-buahan dengan projek perintisnya di kawasan seluas 500 ekar di Dataran Rabuah, Jeli. Kesemua lot-lot selua 2 ekar yang ditanam dengan dokong dan durian telah habis dijual dan DAMAI pada masa ini sedang menyelenggarakan ladang

corns annually. KPKB was the among the pioneers to cultivate this crop locally to substitute imports, as well as an alternative to tobacco. In 1998, 160 acres of land in Bachok and Pasir Puteh was cultivated with corns by small-scale farmers. The output from this farm is between 1 – 3 metric tonnes, which is at par with those in the neighboring countries. KPKB buy all the output from these farmers whereby the grains are processed into chicken feed while the stalks are fed to the cattle. Due to overwhelming responses from the farmers, the total planting area will be increased to 1,000 acres next year.



FERTILIZER MIXING

As a support to boost the development of agriculture in this state especially in food production, KPKB has increased the production and distribution of fertilizers. To date, the annual production has reached 3,500 metric tonnes, mainly for rice crops, which are distributed directly to farmers all over Kelantan.



PLANTATION

Looking at the market scenario of commodities of late, Syarikat Ladang Sg Terah Sdn Bhd has gradually replaced its 16,000-acre rubber plantation with the more lucrative oil palm. To date, the replanting process has covered an area of 3,000 acres. Its subsidiary LST Latex Concentrate Sdn Bhd was awarded with ISO9002 certificates by SIRIM.

Another oil palm plantation is currently being developed by KPKB in Jeli, jointly with a private company whereby KPKB holds 51% of the venture. Until now 1,500 acres has been planted and the 1,000-acre Phase 1 can be harvested in Mac 1999.

tersebut bagi pihak pembeli secara percuma untuk 3 tahun pertama. KPKB sendiri telah memulakan pembangunan di kawasan seluas 500 ekar di Tanah Tinggi Lojing untuk ditanam dengan limau madu manakala baki seluas 100 ekar lagi untuk tanaman sayur-sayuran. Projek ini dijangka akan mula mengeluarkan hasil pada tahun 1999 nanti.

PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Kompleks PerKayuan Kelantan Sdn. Bhd. (KPK) berserta syarikat-syarikat anaknya bukan sahaja terlibat dalam kerja-kerja pembalakan malahan telah melibatkan diri secara langsung dalam aktiviti-aktiviti aliran terutamanya proses pengeluaran kayu gergaji dan kayu kumai untuk keperluan tempatan serta untuk pasaran eksport. KPK juga sedang merancang untuk mengadakan lain-lain aktiviti aliran secara usahasama dengan syarikat-syarikat yang berpotensi. Sebagai langkah proaktif agar kepupusan sumber tidak berlaku, KPK telah melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti silvikultur dan penanaman semula hutan. Ini semua amat perlu kerana ianya bukan sekadar berupaya untuk mengekalkan keadaan alam sekitar bahkan ianya dikenalpasti mampu mengekalkan hutan simpan untuk dinikmati oleh generasi akan datang.

PERKHIDMATAN

